



15 MAY, 2024

## Beri murid sekolah makan tempe

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Beri murid sekolah makan tempe

FAMA Pahang perkenal makanan dibuat daripada kacang soya sebagai sumber protein tambahan

Oleh NORAWAZNI YUSOF  
KUANTAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang memperkenalkan tempe sebagai pilihan tambahan bagi sumber protein kepada murid sekolah rendah di negeri itu.

Sebagai projek perintis, Fama membekalkan 50 kilogram (kg) tempe kepada 900 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Garuda sepanjang tujuh sesi yang diadakan secara berperingkat.

Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, usaha itu dibuat bagi memastikan kanak-kanak menyedari bahawa makanan tradisional ini juga mempunyai khasiat.

"Kita cuba mempromosikan tempe ini. Kalau orang lama mereka kenal dengan tempe tetapi murid sekolah ramai yang tidak kenal makanan ini."

"Malah, kita galakan juga anak muda untuk makan tempe kerana ia juga satu hidangan berkhasiat selain kebergantungan bahan makanan lain seperti ayam, ikan dan juga buah-buahan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program tempe sebagai pilihan tambahan bagi sumber protein dan galakan makan buah-buahan



Mohd Alhamadi (kiri) dan Saiful (dua dari kiri) mengagihkan tempe goreng kepada murid sebagai pilihan sumber protein serta galakan makan buah-buahan tempatan peringkat negeri di SK Padang Garuda pada Selasa.

tempatan peringkat negeri di SK Padang Garuda pada Selasa.

Hadir sama, Guru Besar SK Padang Garuda, Mohd Alhamadi Abu Bakar.

Saiful berkata, sebanyak 200 kg buah mangga turut disediakan sebagai salah satu hidangan kepada murid SK Padang Garuda.

Menurut Saiful, program yang julung kali diadakan di peringkat sekolah di Pahang itu akan diperluaskan ke sekolah lain selepas ini berikutan sambutan murid terhadap produk berkenaan begitu menggalakkan.

"Kempen makan tempe dan buah-buahan yang diadakan turut dapat menambah sumber

**POH PALEH NEH!** pendapatan golongan usahawan di peringkat pembuatan dan jualan. "Mereka ini terdiri daripada peniaga-peniaga di pasar tani FAMA.

"Kita turut menyediakan tempe dan bawang dalam bakul Madani setiap kali program jualan Madani diadakan di setiap daerah di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Mohd Alhamadi berkata, lebih 900 murid SK Padang Garuda berpeluang menikmati tempe secara percuma yang disediakan FAMA.

"Pihak SK Padang Garuda berterima kasih kepada FAMA yang memilih sekolah ini sebagai lokasi pelancaran kempen berkenaan," katanya.



15 MAY, 2024

## Beri murid sekolah makan tempe

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

FAMA Pahang perkenal makanan dibuat daripada kacang soya sebagai sumber protein tambahan

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang memperkenalkan tempe sebagai pilihan tambahan bagi sumber protein kepada murid sekolah rendah di negeri itu. Sebagai projek perintis, Fama membekalkan 50 kilogram (kg) tempe kepada 900 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Garuda sepanjang tujuh sesi yang diadakan secara berperingkat. Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, usaha itu dibuat bagi memastikan kanak-kanak menyedari bahawa makanan tradisional ini juga mempunyai khasiat.